

06 SEP 2002

Mahathir-Singapura/I

MASALAH LAIN DAPAT DISELESAIKAN DENGAN ASING ISU AIR

CYBERJAYA, 6 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata pengasingan isu air daripada isu-isu lain boleh membantu penyelesaian sesetengah daripada masalah dua hala antara Singapura dan Malaysia yang tertangguh.

"Bagi kita, tidak menjadi hal sama ada ia diasingkan atau tidak. Kita boleh berbincang secara berasingan jika mereka mahu, tetapi saya berpendapat pengasingan air (dengan isu-isu lain) mungkin akan membantu penyelesaian sesetengah masalah kerana Singapura tidak bertolak ansur dari segi harga air," katanya semasa diminta mengulas mengenai kebuntuan rundingan pusingan kedua pakej isu dua hala kedua-dua buah negara.

Perdana Menteri bercakap kepada pemberita selepas pertemuan dengan anggota-anggota Panel Penasihat Antarabangsa Koridor Raya Multimedia (IAP-MSM) dan wakil mereka di sini.

Dr Mahathir berkata kedua-dua buah negara mungkin terpaksa mendapatkan penimbangtaraan jika isu itu gagal dirundingkan.

"Kalau keadaan betul-betul teruk, maka kita perlu mendapatkan penimbangtaraan. Tetapi Singapura perlu sedar bahawa mereka tidak boleh terus menekan kita hanya kerana terma perjanjian mengatakan kedua-dua pihak mesti bersetuju," katanya.

Ditanya sama ada masalah itu perlu diselesaikan dalam had masa tertentu, Dr Mahathir berkata: "Saya berpendapat sesuatu had masa memang diperlukan."

Beliau berkata Malaysia sepatutnya mengkaji semula harga air sejak dulu lagi. "Sebenarnya kita patut mengkaji semula harga air 18 tahun lalu. Sekarang setiap hari kita rugi dengan harga yang begitu rendah (tiga sen setiap 1,000 gelen)."

"Tiada ada benda yang boleh dibeli dengan harga tiga sen pada tahun 1957 boleh dibeli dengan harga itu sekarang," katanya.

Dr Mahathir berkata Singapura nampaknya tidak dapat menerima kenyataan. "Kalau mereka nak guna air kumbahan pun harganya agak tinggi sehingga tujuh atau lapan dolar. Kalau sumber air mentah selepas dirawat masih murah lagi," katanya.

Katanya, tidak ada masalah jika Singapura tidak mahukan air dari Malaysia.

"Tetapi itu pilihan mereka. Kita gembira jika mereka tidak mahu air kita kerana kita kerugian wang. Jadi jika mereka rasa boleh dapatkan air dari sumber yang lain, kita tidak ada masalah," katanya.

-- BERNAMA

RV AHH MOZ